

RHB Singapore Yakin Pertumbuhan Meskipun Cabaran Iklim Global Semasa Bernama
30 Januari, 2012
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah

SINGAPURA, 30 Jan (Bernama) -- Meskipun dengan persekitaran ekonomi global yang mencabar, RHB Bank Bhd Singapore (RHBSG), yakin dapat mengekalkan pertumbuhan dan pada masa yang sama menjangkakan penyertaan yang lebih aktif untuk terbitan hutang dan dapat membantu membiayai keperluan pelanggan korporat di seluruh rantau ini.

Ketua Negara untuk RHBSG, Jason Wong berkata: "Pertumbuhan ekonomi dijangka lembap pada tahun 2012, dan sehubungan itu, kami menjangkakan pertumbuhan pinjaman untuk bank-bank akan lebih perlahan di Singapura.

"Dengan suntikan dana modal S\$350 juta pada 2011, kami menjangkakan perbankan korporat dan pelaburan kami akan lebih aktif dalam terbitan hutang, serta membantu pelanggan korporat kami dengan keperluan pembiayaan mereka.

"Strategi utama kami tahun 2012 ialah kekal fokus dan disiplin dalam mengembangkan perniagaan teras."

Perniagaan RHBSG dikategorikan dalam lima bidang utama iaitu perbankan konsumer, perbankan korporat, perbankan perniagaan, perbendaharaan dan perbankan pelaburan.

Menyentuh mengenai prestasi bank tahun lepas, Wong memberitahu Bernama yang tahun 2011 merupakan tahun signifikan untuk RHBSG.

Selain daripada menandakan ulang tahun ke-50 bank di Singapura, ia turut mencapai beberapa kejayaan perniagaan, yang menyokong pertumbuhan dan perkembangannya, sejak menggondol anugerah "Singapore Quality Class" 2010.

Anugerah itu telah disampaikan oleh SPRING Singapore.

"Walaupun dengan keadaan pasaran yang mencabar pada tahun 2011, terutamanya dalam separuh kedua 2011, kami menjangkakan keuntungan akan meningkat lebih daripada 20 peratus dengan jumlah pinjaman kasar dan pendahuluan mencatatkan peningkatan kukuh 33 peratus.

"Kami telah diberikan tender untuk mengendalikan 15 kaunter tukaran asing di Lapangan Terbang Changi. Ini mewakili separuh daripada bilangan kaunter tukaran asing di Lapangan Terbang Changi dan berjaya dilancarkan pada Ogos 2011.

Wong berkata bank turut memperkenalkan perkhidmatan Perbankan Internet RHB pada Disember tahun lepas.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642926>

